

BAB 5

Perbincangan, Rumusan, Implikasi dan Cadangan Kajian

Bab ini akan membincangkan rumusan dan cadangan yang berkaitan dengan aspek permasalahan dan cabaran Program Pemulihan Bahasa Melayu di sebuah kelas Tingkatan Peralihan.

Perbincangan ini juga akan memfokus aspek pelaksanaan, permasalahan, implikasi kajian dan cadangan untuk memantapkan program ini.

5.1 Perbincangan

5.1.1. Aspek Pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu

Tindakan pertama sebelum Program Pemulihan Bahasa Melayu ini dilaksanakan, guru mengesan pelajar-pelajar yang akan diserapkan ke dalam program ini. Melalui ujian saringan dan ujian diagnostik yang dijalankan kelemahan pelajar-pelajar dapat dikesan. Dengan cara ini juga guru dapat menentukan pelajar-pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran. Berdasarkan temu bual dengan peserta kajian, beliau menyatakan bahawa pengesanan terhadap pelajar dilakukan sebelum program ini dilaksanakan, "Kita adakan ujian bacaan untuk menguji tahap bacaan pelajar dalam masa satu hari selain berpandukan gred UPSR yang dicapai oleh pelajar dalam subjek BM".

Maka jelaslah bahawa dapatan kajian disokong oleh Kamaruddin Haji Hussin (1988) yang menyatakan bahawa sebarang program pemulihan mestilah bermula dengan mengesan kelemahan dalam pengajaran yang dilalui. Koh (1977) menekankan betapa pentingnya pengesanan awal bagi murid-murid yang lemah dalam bahasa dan pemulihan yang segera perlu dijalankan untuk murid-murid itu. Beliau selanjutnya menegaskan peranan penting guru pemulihan sebagai pengesan-

pemulih kelemahan pembelajaran. Oleh yang demikian terdapat persamaan dengan kajian-kajian yang terdahulu tentang kepentingan aspek pengesanan sebelum melaksanakan program pemulihan dengan kajian ini.

Dari aspek perancangan pengajaran, guru telah merancang pengajaran dan cuba menyeimbangkan kaedah pengajaran dengan kebolehan pelajar. Di samping aktiviti dalam kumpulan kecil guru juga menggunakan pengajaran individu. Berdasarkan temu bual, peserta kajian menyatakan bahawa, "Pengajaran saya bertumpu kepada kumpulan-kumpulan kecil. Selain itu pengajaran individu juga diadakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa". Pendapat ini disokong oleh Koh (1992) yang menyatakan bahawa pengajaran secara individu perlu untuk menjamin keberkesanan kerana pelajar-pelajar lambat ini mempunyai perbezaan dari segi jenis jenis dan punca masalah pembelajaran.

Selain itu guru juga menggabungkan sesuatu topik yang diajarkan. Melalui pemerhatian penyelidik pada 7 Ogos 2003 peserta kajian menggabungkan kemahiran bacaan dengan simpulan bahasa. Pelajar dikehendaki menyenaraikan simpulan bahasa berdasarkan teks yang dibaca. Dripada lima simpulan bahasa yang terdapat dalam petikan pelajar dapat memberikan tiga simpulan bahasa manakala satu simpulan bahasa disebut oleh guru sebagai contoh untuk memahami pelajar-pelajar.

Begitu juga dengan cara penyampaian yang dipelbagaikan dengan kaedah dan pendekatan yang sesuai supaya pelajar dapat memahami apa-apa yang disampaikan oleh guru. Peserta kajian membawa objek sebenar seperti itik, anak patung untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Dapatan kajian ini disokong oleh Mc Creesh dan Maher (1974) yang mencadangkan guru

pemulihan agar perlu sentiasa berwaspada agar objektif pengajaran sentiasa sesuai dengan aspek pengajaran yang dirancang dengan melibatkan kaedah dan pendekatan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar pemulihan. Demikian juga dengan Jais Sahok Dan Mat Nor Hussin (1990) yang mengatakan bahawa guru pemulihan memiliki kemahiran memilih kaedah pengajaran, menyusun bahan dan kegiatan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar pemulihan untuk proses pengajaran.

Penilaian terhadap pelajar-pelajar lambat ini berdasarkan ujian-ujian yang diadakan oleh guru dari semasa ke semasa. Guru pemulihan menyediakan dan menyimpan rekod kemajuan pelajar. Bagi menambahkan kemahiran pelajar, kerja-kerja susulan diberikan kepada pelajar pemulihan. Berdasarkan temu bual penyelidik dengan peserta kajian, "Kita buat ujian dari semasa ke semasa. Kemudian markah kita rekod untuk lihat pencapaian pelajar. Bila peperiksaan pertengahan tahun kita panggil ibu bapa pelajar ambil report book [bulu laporan] bincang tentang pencapaian anak-anak diorang". Keperluan penilaian ini juga disokong oleh kajian Jais Sahok dan Mat Nor Hussin (1990) yang menyatakan keperluan guru pemulihan mengadakan penilaian berterusan dan melakukannya dengan tersusun bagi mengetahui kemajuan pelajar.

5.1.2. Aspek Permasalahan dan Cabaran Program Pemulihan Bahasa Melayu

Pengetahuan dan Pengalaman

Memandangkan pendidikan pemulihan hanya diberi penekanan di peringkat sekolah rendah maka pada pandangan dan pengalaman penyelidik kursus-kursus yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan dan jabatan Pendidikan Negeri kebanyakannya menumpukan perhatian kepada guru-guru sekolah rendah. Pernyataan ini disokong oleh Jais Sahok dan Mat Nor Hussin (1990) yang

mengatakan bahawa program pendidikan pemulihan hanya dilaksanakan secara rasmi di peringkat sekolah rendah. Hal ini pada hemat penyelidik telah menimbulkan masalah apabilawujudnya keperluan mengadakan program pemulihan di peringkat sekolah menengah. Guru yang sememangnya kurang atau tiada pengetahuan serta pengalaman untuk mengendalikan program pemulihan kerana tidak terdedah oleh apa-apa kursus, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan pemulihan. Justeru itu guru menggunakan pengalaman sendiri dan sedikit pengetahuan yang ada untuk mengendalikan kelas pemulihan. Reaksi peserta kajian apabila dikehendaki mengajar pelajar-pelajar peralihan yang bermasalah pembelajaran, "Bila tengok budak-budak ni kan, Allah teruknya. Mula-mula masuk tu nak kata terkejut tu taklah tapi mati kutu orang kata. Nak buat macam manalah ni, fikirilah nak ajar macam mana budak-budak ni. Di SMK Seri Jaya dulu saya pernah jadi mentor ajar budak-budak lambat tapi empat bulan saja. Ada tiga orang budak Tingkatan Satu".

Apabila ditanya oleh penyelidik tentang cara yang digunakan oleh beliau untuk mengajar peserta kajian mengatakan bahawa, "Saya dah habis cara, tak tahu nak guna cara apa lagi nak mengajar diorang". Dalam erti kata lain semua cara, kaedah pengajaran yang diketahui telah digunakan oleh peserta kajian untuk mendidik pelajar-pelajar lambat ini. Peserta kajian juga menggunakan pengalamannya mendidik anak-anak di sekolah tadika untuk mendidik pelajar-pelajar lambat ini.

Oleh sebab tanggungjawab dan dedikasi yang tinggi walaupun dengan pengetahuan dan pengalaman yang kurang peserta kajian dapat menjayakan Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Peralihan dengan dengan pelbagai kesukaran, masalah dan cabaran. Seperti kata beliau, "Tapi sekarang saya puas hati jugak, budak-budak tu dari zero [tidak tahu apa-apa] dah tahu baca ABC, dah boleh buat ayat walaupun tunggang -langgang. Puas sebab diorang dah pandai

sikit berbanding dulu, boleh beza b-d, m-n, l-r, dah tahu buat ayat pendek walaupun salah lagi". Pada pandangan penyelidik guru mendapat kepuasan terhadap pencapaian pelajar-pelajar lambat ini kerana ada peningkatan yang baik dicapai oleh pelajar dalam keadaan yang serba kekurangan dan kepayahan. Walaupun pengalaman dan pengetahuan dalam bidang pemulihan agak kurang namun dengan komitmen dan dedikasi yang tinggi guru berjaya memulih sebilangan pelajar yang terlibat dalam program ini.

Beban tugas

Peserta kajian menyatakan bahawa beliau mempunyai tugas dan beban kerja yang berat. Beliau diberi kepercayaan untuk memikul beban tugas yang berat. Seperti kata beliau kepada penyelidik, "Berat memang berat. Biasa yang tu boleh buat kerja, itu yang pulun sakannya. Pandai-pandailah nak hidup. Saya tak pandai complain[mengadu], tak pandai nak mengadu. Terima, telan. Buat, malas nak bertekak. Bila dah tension[tertekan] nangis sendiri. Dah nasib saya. Di sini saya dipolish[digilap] habis, digilap habis. Orang nak tengok bakat kita semua. Nak buat macam mana, intan terpilih, cabaran. Orang nak kilat kita biar berkilat-kilat". Pada pendapat penyelidik tugas yang dipikul oleh peserta kajian sememangnya berat sebagai guru tingkatan Peralihan, guru subjek Bahasa Malaysia Tingkatan Peralihan dan Tingkatan Dua, guru mata pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Satu dan Tiga, ketua Panitia Bahasa Melayu, Setiausaha Panitia Bahasa Melayu Daerah Gombak, guru penasihat Kelab Wartawan, Kelab Badminton dan Kadet Polis, guru rumah sukan dan Naib Setiausaha PIBG.

Peserta kajian juga kerap kali meninggalkan sekolah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti lain seperti mesyuarat dan kursus. Beliau meninggalkan kelas untuk menghadiri mesyuarat

panitia dan menghadiri kursus yang memakan masa selama dua hingga tiga hari seperti kursus sukatan baru Bahasa Melayu dan Sastera. Kerja-kerja kelas pemulihan kadangkala terganggu dan terjejas akibat daripada beban tugas yang terlalu banyak. Namun sikap dedikasi yang dipaparkan oleh peserta kajian dapat menampung kerja-kerja kelas pemulihan yang tertinggal. Dapatan kajian ini juga mempunyai persamaan dengan kajian Robiah (1988) yang menyatakan bahawa guru pemulihan mempunyai beban kerja yang banyak dan memberikan masalah kepada mereka untuk membuat persediaan pengajaran.

Masalah Bahan Bantu Mengajar

Dalam menjalankan aktiviti pemulihan guru perlu banyak menggunakan bahan bantu mengajar bagi mengekalkan minat pelajar dan mengukuhkan sesuatu kemahiran yang dipelajari. Masalah timbul apabila guru kesuntukan masa untuk menyediakan bahan bantu mengajar kerana beban kerja yang banyak. Keadaan menjadi lebih rumit apabila guru terpaksa menggunakan wang sendiri untuk menyediakan bahan bantu mengajar ini kerana ketiadaan peruntukan kewangan untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan di kelas pemulihan. Berdasarkan pengalaman penyelidik dalam hal ini guru terpaksa berkorban demi anak-anak didik namun selama mana guru mampu bertahan untuk menggunakan wang sendiri untuk menyediakan bahan bantu mengajar di kelas pemulihan. Seperti kata peserta kajian, "Segan nak minta, nak minta dengan siapa? Sepatutnya kalau ada peruntukan kerjasama pihak atas baguslah. Kita tak penat. Beli manila kad walaupun 60 sen, tiga keping sekali pakai. Bayangkanlah. Nak jimat saya guna depan belakang. Kadang-kadang ambil paper [akhbar] buatlah".

Pada pandangan penyelidik bagi menjimatkan kos peserta kajian menggunakan alternatif

lain dan inisiatif lain untuk menyediakan bahan bantu mengajar. Hal ini tidak dinafikan oleh peserta kajian, "Selain itu, saya bawa objek macam Che Rosnah (Guru Penolong Akademik) cakap. Bawa itik, bawa anak patung, bawa macam-macamlah. Gambar, poster tu biasalah. Budak-budak seronok sampai pecah itik main duduk belakang. Kena banyak sabar".

Peserta kajian tidak menggunakan bahan-bahan lain pemulihan kerana tidak disediakan. Buku aktiviti yang disediakan kurang sesuai dengan pencapaian pelajar kerana ada aras yang agak tinggi. Oleh yang demikian bagi menyesuaikan bahan pengajaran dengan tahap pencapaian pelajar kata peserta kajian, "Saya gunakan buku darjah enam, UPSR beli sendiri, kadang-kadang pinjam buku tatabahasa anak, buku anak tadika. Kemudian fotostat".

Peserta kajian membuat sendiri bahan bantu mengajar kelas pemulihan. Beliau tidak meminta bantuan daripada guru lain kerana tidak mahu mengganggu guru lain yang juga mempunyai beban kerja yang banyak memandangkan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Mahligai merupakan sebuah sekolah baru. Seperti kata beliau apabila ditanya penyelidik sama ada beliau ada meminta guru lain seperti guru Pendidikan Seni untuk membantu beliau membuat bahan bantu mengajar seperti kad imbasan, "Masing-masing sendiri, kerja banyak. Semua buat kerja, kerja banyak. Saya pulak tak suka kacau orang. Semua banyak kerja, sekolah baru. Nak uruskan macam sekolah besar, cikgu tenaga kurang. Kadang-kadang tak sempat buat sajalah asalkan budak-budak tu nampak. Macam buat rumah, lukis kat papan hitam. tengok pintu, kita buatlah tanda suruh diorang tulis. Tanya dalam sekolah ada apa. Dalam kelas ada apa, so [jadi]buatlah". Dapatan kajian ini masalah bahan bantu mengajar yang dihadapi oleh guru disokong oleh kajian Robiah (1988) dan Normah Chik (1992) yang mendapati bahawa guru pemulihan mempunyai masalah dengan bahan dan alatan pengajaran dalam program pemulihan. Mereka sukar mendapat peruntukan kewangan bagi menyediakan bahan bantu mengajar.

Masalah Nasihat, Bimbingan dan Seliaan

Peserta kajian sukar untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan profesional untuk menyelesaikan masalah dan kesulitan yang dihadapi dalam meningkatkan pengetahuan tentang perkembangan pendidikan pemulihan. Guru juga mengalami kepayahan untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan dan buku panduan tentang pemulihan daripada pihak yang berkenaan. Seperti kata peserta kajian, "Saya tak tahu nak rujuk siapa. Pandai-pandai sendirilah nak hidup". Pada hemat penyelidik kesukaran mendapatkan nasihat dan bimbingan ini menyebabkan prestasi pengajaran di kelas pemulihan tidak dapat ditingkatkan. Pengendalian kelas dilakukan berdasarkan pengalaman guru sendiri. Kelewatan menerima buku panduan juga telah menimbulkan masalah dalam melaksanakan Program Pemulihan bahasa Melayu di sekolah. Seperti dapatan kajian Robiah (1988) guru khas pemulihan sukar mendapat nasihat, cadangan seliaan serta maklumat kemas kini tentang penyelenggaraan dan teknik baru yang boleh membantu meningkatkan prestasi pengajaran murid di kelas pemulihan.

Selain itu peserta kajian juga kurang mendapat perhatian daripada pihak pentadbir dalam mengendalikan pelajar-pelajar lambat ini. Apabila penyelidik bertanya kepada peserta kajian sama ada pentadbir ada bertanya tentang masalah beliau dengan kelas peralihan yang diajarnya, jawapan beliau, "Tak pernah tanya. Setakat ni tak pernahlah. Rasa pentadbir dia dah tahu dah. Dah masak dengan perangai budak-budak Peralihan ni. Diorang tolonglah, tolong kalau diorang round [ronda] kelas bising dia masuklah sergah sekejap".

Penyelarasan Penilaian

Ujian bulanan dan peperiksaan penggal yang selaras diadakan. Semua pelajar termasuklah

pelajar-pelajar lambat ini diberikan kertas soalan peperiksaan yang sama dengan pelajar-pelajar lain untuk dijawab. Pada pandangan penyelidik kebarangkalian mereka untuk lulus adalah rendah kerana mereka tidak faham akan soalan disebabkan penguasaan bahasa yang lemah. Menurut Koh (1977) bahasa adalah alat komunikasi untuk pembelajaran segala jenis ilmu. Tidak boleh membaca dan memahami soalan menyebabkan murid gagal dalam ujian dan peperiksaan. Kegagalan ini secara tidak langsung akan mengesahkan bahawa mereka tidak akan berjaya dalam bidang akademik. Hal ini dinyakan oleh peserta kajian, " Mereka tak faham soalan. Bila bagi soalan, macam hari itu terkebil-kebil, tak tahu nak buat apa. Mereka tak faham soalan. Kebetulan saya jaga periksa, kita kena terangkan yang ni nak buat apa, yang ni nak buat apa. Kolaj, apa kolaj cikgu. Masalah penyelarasan peperiksaan dalam kajian ini disokong oleh pemerhatian Ho (1986) dalam Robiah Kulop Hamzah (1997) iaitu guru menghadapi masalah penyelarasan penilaian pelajar-pelajar lambat.

Masalah Pelajar

Pada pendapat penyelidik sikap yang ditunjukkan oleh sebahagian besar pelajar-pelajar lambat ini mengganggu kelancaran proses program pemulihan. Pelajar-pelajar lambat ini tidak bersemangat, tidak minat belajar, tiada daya usaha dan malas. Seperti kata peserta kajian, "Diorang memang macam tu, tak ada semangat, tak minat, malas, tak ada daya usaha. Perkara ini bermula kat rumah, datang dari rumah. Emak diorang tak titikberatkan pelajaran. Background [latar belakang] sederhana, tak kaya jenis kerka kuat, buka gerai. Ibu bapa sibuk tak ada kat rumah. Malam baru jumpa". Berdasarkan pemerhatian penyelidik mereka tidak menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru, berbual-bual dengan rakan semasa guru mengajar, tidak menyiapkan kerja yang diberikan guru, tidak membawa buku teks dan juga buku latihan.

Dapatan ini disokong oleh pandangan Haigh (1977) yang menyatakan bahawa kanak-kanak lambat rendah pencapaian dalam kemahiran asas, keupayaan berbahasa yang terhad, daya kefahaman yang lemah, tidak berminat terhadap pembelajaran, perlakuan yang sukar dikawal, kurang menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan selalu mengganggu pelajar yang lebih pandai. Keadaan yang wujud ini menyukarkan guru untuk menjalankan aktiviti pemulihan di dalam kelas. Guru perlu bergerak ke depan dan belakang dengan membawa rotan di tangan selalu memerhati pelajar untuk mengawal keadaan kelas.

Pencapaian yang rendah dalam kemahiran asas, daya kefahaman yang lemah dan penguasaan bahasa yang terhad seperti kata Haigh (1977) menyulitkan guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pada permulaan program seperti kata peserta kajian, "Mula-mula dulu diorang tak tahu apa. ABC pun tak tahu baca, keliru b-d, m-n, l-r, p-q, p-b. Dia baca tak betul, sebutan tak betul entah mana-mana, faham lagilah". Berdasarkan pemerhatian penyelidik sebutan dan intonasi bacaan pelajar tidak tepat dan dipengaruhi dialek bahasa ibunda. Mereka lebih selesa menggunakan bahasa ibunda berbanding Bahasa Melayu. Kesabaran yang amat tinggi diperlukan untuk memulih pelajar-pelajar yang dikira agak lewat untuk menerima pendidikan pemulihan ini.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran ada pelajar yang terpaksa menggunakan khidmat rakan untuk menterjemahkan perkataan yang diperkatakan oleh guru ke dalam bahasa ibunda. Hal ini berlaku semasa penyelidik menemu bual beberapa pelajar pada 14 Julai 2003 di dalam kelas.

Penyelidik : Sew Koon suka belajar BM?

Pelajar tidak menjawab sebelum diterjemahkan rakannya apa yang dikatakan oleh penyelidik.

Pelajar : Tak, tak faham cikgu cakap apa.

Penyelidik : Mengapa tak faham?

Pelajar : Susah mau cakaplah.

Penyelidik : Mengapa susah mau cakap?

Pelajar : Cikgu kita punya BM tak pandai punya mau cakap.

Kesukaran pelajar memahami apa yang diperkatakan oleh guru mereka menyebabkan pelajar tidak berminat untuk belajar dan seterusnya tidak melakukan kerja yang disuruh oleh guru dan mengganggu perjalanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Masalah pelajar untuk memahami apa-apa yang diperkatakan oleh guru menimbulkan kesukaran komunikasi.

Sikap guru yang baik dan hubungan yang rapat dengan pelajar pada pandangan penyelidik telah menyebabkan timbulnya masalah. Pelajar telah menyalahgunakan sikap baik guru terhadap mereka. Barang milik guru seperti beg tangan dan bekas pensel guru diselongkar oleh pelajar. Seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian, "Dengan cikgu ni tak main [tak kisah] dah. Sergah macam mana tak takut, sampai darah kita mendidih. Dia buat dek [tak peduli] lagi. Cikgu lelaki pun tak takut. Memang tak makan saman". Sikap pelajar ini menyebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kerap kali terganggu. Mereka bercakap, bermain, bergurau berjalan-jalan seolah-olah guru tiada di dalam kelas.

5.2. Rumusan

Kajian kes di kelas Tingkatan Peralihan di sebuah sekolah menengah di daerah Gombak terhadap

pelaksanaan dan permasalahan Program Pemulihan Bahasa Melayu adalah bertujuan untuk mengetahui permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh guru pemulihan daripada pelbagai sudut.

Penyelidik menggunakan tiga teknik yang biasa dalam kajian kes untuk mengumpulkan maklumat iaitu melalui pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Data-data yang dikumpul telah dianalisis dan beberapa dapatan telah dikumpul.

Daripada dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa guru Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Tingkatan Peralihan menghadapi masalah dan cabaran. Pelbagai masalah dan cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha menjalankan tugas sebagai guru pemulihan.

5.3. Implikasi Kajian

Hasil daripada analisis data yang dibuat oleh penyelidik melalui pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen telah banyak membawa implikasi yang penting kepada seluruh program pemulihan di sekolah. Dapatan Kajian penyelidik mendedahkan keperluan sebenar dan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam melaksanakan program pendidikan pemulihan.

Guru menghadapi pelbagai masalah dalam usaha untuk memenuhi tugas-tugas mereka. Hal ini menjadi penghalang kerana menyulitkan pelaksanaan tugas guru dan seterusnya menyebabkan kemajuan pengajaran pemulihan terjejas. Tindakan segera dan tegas perlu dilakukan untuk membantu guru mengatasi masalah yang berlaku supaya guru dapat memenuhi semua peranan seterusnya matlamat pendidikan pemulihan tercapai dan keberkesanan program pendidikan pemulihan dapat dipertingkatkan.

Masalah Pengetahuan dan Pengalaman

Di peringkat sekolah menengah tidak wujud jawatan guru pemulihan secara rasmi. Lazimnya guru Bahasa Melayu yang mengajar kelas tersebut secara automatik akan dilantik sebagai guru pemulihan. Guru Bahasa Melayu yang dilantik sebagai guru pemulihan ini biasanya tiada atau kurang sekali pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pemulihan. Hal ini menyebabkan guru kurang mahir dan berkeyakinan dalam mengendalikan program pemulihan.

Keperluan Kursus dan Latihan Profesional

Pendedahan kepada guru untuk meningkatkan kecekapan dan pengetahuan bagi memajukan prestasi kerja melalui kursus atau bengkel amat kurang sekali diberi penekanan di peringkat sekolah menengah. Guru yang tidak berpengalaman dan mempunyai pengetahuan yang kurang akan terus terkapai-kapai dalam mengendalikan program pemulihan di kelas.

Masalah Beban Kerja

Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru program pemulihan menghadapi masalah apabila guru diamanahkan untuk memikul pelbagai tugas yang berat. Beban tugas yang banyak ini menyebabkan guru mempunyai masa yang terhad untuk membuat perancangan pengajaran pemulihan. Guru juga perlu meninggalkan kelas dan melaksanakan tugas-tugas lain yang dianggap lebih penting. Hal ini sedikit sebanyak menyebabkan kelancaran program pemulihan terganggu. Sikap guru yang rajin, bertanggungjawab, tidak pandai menolak kerja dan ingkar akan arahan menyebabkan beliau disenangi dan diberi kepercayaan untuk melaksanakan sesuatu tugas.

Masalah Bahan Bantu Mengajar

Penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa guru berhadapan dengan masalah untuk memperoleh peruntukan kewangan dalam menyediakan bahan bantu mengajar untuk keperluan kelas pemulihan. Hal ini berlaku disebabkan oleh pihak sekolah tidak diberi sebarang peruntukan untuk membentuk dan menguruskan kelas pemulihan. Ketiadaan peruntukan untuk kelas dan pengajaran pemulihan menyebabkan pihak pentadbir sekolah berasa berat untuk memperuntukkan perbelanjaan bagi kelas pemulihan. Selain itu buku aktiviti yang sedia ada kurang sesuai dengan tahap pencapaian pelajar-pelajar lambat dan keadaan ini menyebabkan buku tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Masalah Nasihat, Bimbingan dan Rujukan

Guru pemulihan sukar untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan profesional apabila menghadapi masalah dan kesulitan dalam melaksanakan program pemulihan di sekolah. Seliaan yang kurang daripada pihak yang berkenaan menyebabkan masalah yang dihadapi oleh guru tidak dapat diketahui dan dikesan.

Guru pemulihan juga perlu membuat rujukan dan memperoleh pengetahuan yang terkini tentang pendidikan pemulihan. Oleh yang demikian guru amat memerlukan perkhidmatan pusat sumber yang dapat menyediakan kemudahan bahan bacaan dan rujukan terkini yang sesuai.

Masalah Penyelarasan Penilaian

Berdasarkan dapatan kajian ini, pelajar-pelajar lambat mengambil ujian dan peperiksaan

yang sama dengan pelajar-pelajar lain. Akibatnya mereka kerap mendapat pencapaian yang rendah dalam ujian dan peperiksaan jika dibuat perbandingan dengan pelajar-pelajar biasa. Keadaan ini menyebabkan perkembangan rasa yakin diri di kalangan pelajar-pelajar ini lambat.

Masalah Guru dengan Pelajar-pelajar Lambat

Guru berhadapan dengan masalah sikap pelajar yang negatif semasa di dalam kelas seperti tidak berminat, tidak bersemangat, tiada inisiatif, malas, tidak menumpukan perhatian. Hal ini berpunca apabila tahap pemahaman dan penguasaan bahasa yang terhad di samping faktor latar belakang keluarga.

Guru juga menghadapi masalah pelajar lambat yang tidak mahu bertutur dalam Bahasa Melayu semasa di dalam kelas. Pelajar lebih selesa dan senang menggunakan bahasa ibunda. Penguasaan Bahasa Melayu yang rendah dan keengganan menggunakan Bahasa Melayu di dalam kelas menyukarkan guru untuk memulihkan pelajar-pelajar ini.

Masalah Sukatan Pelajaran

Pendidikan pemulihan hanya dilaksanakan secara rasmi di peringkat sekolah rendah. Oleh sebab itu apabila program pemulihan dilaksanakan di sekolah menengah guru berhadapan dengan masalah sukatan pelajaran yang perlu dihabiskan.

Sesungguhnya pelaksanaan pengajaran pemulihan di peringkat sekolah menengah ini merupakan suatu cabaran. Hal ini demikian kerana usia pelajar yang semakin meningkat tidak

seimbang dengan tahap pencapaian yang sepatutnya. Guru perlu berhadapan dengan pelajar yang kurang matang perlakuannya. Di samping itu guru juga menghadapi masalah-masalah lain apabila program pemulihan hanya dilaksanakan secara rasmi di peringkat sekolah rendah. Walaupun kejayaan program bergantung kepada guru namun sokongan daripada semua pihak amat perlu.

5.4. Cadangan-cadangan Kajian

Berikut adalah cadangan-cadangan yang dapat dikemukakan sebagai usaha untuk memantapkan Program Pemulihan Bahasa Melayu di kelas peralihan pada masa depan.

1. Setiap bakal guru perlu diberi pendedahan tentang pendidikan pemulihan terutamanya mereka yang mengikuti kursus kaedah pengajaran Bahasa Melayu, Matematik dan Bahasa Inggeris semasa menjalani latihan perguruan sama ada di maktab perguruan ataupun institusi pengajian tinggi. Melalui pendedahan awal sebegini guru tidaklah hilang punca apabila diarahkan untuk mengajar pelajar-pelajar lambat yang masih lagi wujud di peringkat sekolah menengah.
2. Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah disaran supaya mengadakan kursus, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan bidang pemulihan dari semasa ke semasa bagi membolehkan guru terutama guru sekolah menengah mendapat pendedahan dan input terkini dalam usaha memantapkan pengajaran dan pembelajaran di kelas pemulihan.

3. Pihak pentadbir sewajarnya didedahkan dengan pengertian dan pengetahuan pendidikan pemulihan yang sebenarnya tentang masalah pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan kelas pemulihan melalui bengkel, seminar dan kursus singkat supaya pihak pentadbir lebih memahami dan prihatin terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pendidikan pemulihan di sekolah.
4. Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah juga disarankan agar menyemak dan menyediakan peruntukan khas kewangan untuk kelas pemulihan di peringkat sekolah menengah. Dengan cara ini kelas khas yang lengkap dapat disediakan seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan.
5. Kementerian Pendidikan khususnya melalui Jemaah Nazir Sekolah perlu sentiasa membuat lawatan ke sekolah-sekolah untuk menyelia dan memberikan khidmat bimbingan kepada guru pemulihan agar mereka tidak diabaikan. Selain itu disarankan juga untuk diwujudkan jawatan Pegawai Khas Pemulihan terutamanya di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah supaya hal-hal yang berkaitan dengan bidang pemulihan di sekolah dapat dipantau dengan berkesan. Dengan itu guru boleh merujuk atau mendapat bimbingan daripada pegawai ini apabila menghadapi masalah.
6. Pihak sekolah disarankan untuk menyediakan bahan-bahan yang berkaitan dengan pengajaran pemulihan di pusat sumber seperti buku rujukan, kit, modul, rakaman audio

dan visual supaya guru dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang pemulihan.

7. Kementerian Pendidikan disaran agar memberi kebenaran dan kelonggaran kepada pihak sekolah untuk menyediakan satu ujian yang lain khusus untuk pelajar-pelajar lambat yang selaras dengan pencapaian mereka sehinggalah mereka berjaya dipulihkan. Dengan ini pelajar-pelajar lambat berpeluang untuk menikmati kejayaan yang sedikit sebanyak akan memberikan kesan yang positif terhadap pembinaan keyakinan diri di kalangan pelajar-pelajar lambat.
8. Pihak sekolah juga disarankan untuk mengadakan kursus motivasi untuk pelajar-pelajar lambat ini di samping menggalakkan dan mewajibkan mereka menggunakan Bahasa Melayu semasa di dalam kelas supaya penguasaan Bahasa Melayu mereka dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
9. Kementerian Pendidikan disaran agar memberi kelonggaran kepada guru pemulihan untuk menggunakan sukatan pelajaran yang minimum yang perlu dihabiskan supaya kerja-kerja pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih bermakna dan berkesan.
10. Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan daerah perlu memberi perhatian yang lebih serius terhadap bidang pendidikan pemulihan supaya

program pemulihan yang dijalankan di sekolah tidak dianggap sebagai program kelas kedua di sekolah. Persepsi negatif tentang pendidikan pemulihan harus dikikis.

11. Pihak sekolah disarankan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Program Pemulihan di sekolah yang terdiri daripada pentadbir sekolah, guru pemulihan, guru biasa termasuklah ibu bapa untuk membantu menangani masalah penguasaan 3M.
12. Guru pemulihan digalakkan supaya peka dengan perkembangan teknologi terkini, bersikap positif melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terkini serta sentiasa menguatkan azam dan tekad bahawa pelajar-pelajar lambat ini akan dapat menguasai kemahiran 3M akhirnya jika perhatian dan bantuan berterusan dan teratur diberikan.

Tidak dapat dinafikan bahawa guru pemulihan terpaksa memikul tugas dan peranan yang berat berbanding dengan guru biasa. Dalam memenuhi amanah yang dipertanggungjawabkan banyak cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuh. Segala rintangan yang berlaku akan menyebabkan kemajuan pengajaran dan pelaksanaan program pemulihan yang dirancang terjejas. Sebagai suatu program yang amat penting komitmen dan kesungguhan semua pihak amat diperlukan untuk menjayakan program ini.

Sebarang kepincangan yang berlaku dalam melaksanakan program ini akan menyebabkan program pemulihan yang berbagai-bagai bentuk dan ragam akan wujud. Sesungguhnya terdapat banyak faktor yang menjamin keberkesanan program yang dirancang. Justeru itu kebijaksanaan

mereka yang mengendalikan dan memastikan segalanya dilaksanakan seperti yang dipersetujui bersama amat penting.

Penyelidik berharap agar hasil kajian dan cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat mendatangkan manfaat serta dapat membuka minda semua pihak untuk mencari penyelesaian yang sesuai bagi memastikan usaha yang murni ini dapat mewujudkan pendidikan yang berkualiti pada masa depan.